

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' DR TAN KEE KWONG**  
**[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH** : **19 MEI 2016**

**SOALAN** : **Dato' Dr Tan Kee Kwong [ Wangsa**  
**Maju ]** meminta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan pendirian Kerajaan berhubung dengan pendapat No. 22/2015 Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrari Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mendapati penghukuman ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai satu pelanggaran undang-undang antarabangsa.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Wangsa Maju atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrari PBB atau *UN Working Group on Arbitrary Detention* (WGAD) merupakan satu mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia PBB (*UN Human Rights Council*), yang diberi mandat untuk mengeluarkan Pendapat (*Opinion*) mengenai penahanan seseorang individu berdasarkan Aduan Individu (*Individual Complaint*).

3. WGAD terdiri daripada lima individu yang dilantik dalam kapasiti peribadi. Oleh yang demikian, Pendapat yang dikeluarkan oleh WGAD tidak mewakili pandangan mana-mana negara anggota PBB mahupun pendirian PBB secara keseluruhan. Pendapat WGAD tersebut juga tidak terikat dari segi undang-undang (*not legally binding*).

4. Kerajaan Malaysia telah meneliti secara menyeluruh pendapat No. 22/2015 WGAD mengenai kes penghukuman Datuk Seri Anwar Ibrahim. Untuk makluman Dewan, pada 16 November 2015, Kerajaan telah mengemukakan maklum balas komprehensif terhadap pendapat tersebut kepada Kumpulan Kerja berkenaan. Kementerian Luar Negeri juga telah memuatnaik maklumbalas tersebut di laman web Kementerian, dan telah mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai maklumbalas tersebut.

5. Untuk pengetahuan Dewan, hampir keseluruhan maklumat dan tuduhan yang menjadi asas pendapat WGAD tersebut merupakan maklumat dari sumber aduan Individu. Tuduhan yang menyatakan bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan mangsa penuduhan politik oleh Kerajaan Malaysia adalah tidak berasas langsung. Ini adalah kerana kes pendakwaan beliau adalah berdasarkan laporan polis oleh individu

yang tidak berkaitan dengan Kerajaan Malaysia, dan proses perbicaraan beliau telah dilaksanakan secara adil.

6. Selain itu, semasa perbicaraan, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menggunakan hak dan peluang beliau yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia untuk membuat rayuan sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan. Badan kehakiman telah mempertimbangkan hujah-hujah daripada kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan dengan adil dan saksama sebelum membuat keputusannya. Keputusan mahkamah adalah pada setiap masa dan peringkat berdasarkan rangka undang-undang Malaysia, dan tidak dicapai secara sewenang-wenangnya. Sebagai kerajaan demokratik yang mengamalkan pengasingan kuasa, badan kehakiman Malaysia tidak pernah dipengaruhi oleh cawangan eksekutif atau perundangan.

7. Setelah berakhirnya perbicaraan yang adil dan panjang yang berlangsung selama enam setengah (6 ½) tahun, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah disabitkan dengan kesalahan yang didakwa. Beliau kini menjalani hukumannya di penjara, bukan dalam kurungan bersendirian (*solitary confinement*), dan sedang disediakan dengan kemudahan yang bersesuaian serta rawatan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Kerajaan berpendapat bahawa terdapat kesalahnyataan (*misrepresentation*) bagi kes perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kesimpulan yang dibuat oleh WGAD. Adalah jelas dan nyata bahawa tidak wujud sebarang perlucutan (*deprivation*) kebebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim secara arbitrari. Oleh yang demikian, kes beliau tidak sepatutnya disenaraikan dalam mana-mana kategori perlucutan kebebasan secara arbitrari oleh WGAD.

9. Perlu ditekankan bahawa resolusi 1997/50 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB telah menetapkan mandat untuk WGAD dengan beberapa syarat. Antaranya adalah WGAD hanya boleh menyiasat kes-kes penahanan di mana tiada keputusan muktamad telah diambil dalam kes-kes penahanan oleh mahkamah domestik selaras dengan undang-undang tempatan menurut piawaian antarabangsa yang termaktub di

dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dan instrumen antarabangsa yang diterima pakai oleh negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Dalam hubungan ini, Mahkamah Persekutuan selaku mahkamah tertinggi di Malaysia telah mengumumkan keputusan sebulat suara pada 10 Februari 2015 berhubung kes Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ini merupakan keputusan muktamad berdasarkan undang-undang domestik Malaysia. Keputusan itu juga mematuhi sepenuhnya dengan piawaian antarabangsa yang berkaitan dalam proses dan perbicaraan yang adil.

11. Sebagai negara anggota PBB yang komited dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, Malaysia akan terus bekerjasama dengan mekanisme-mekanisme Majlis Hak Asasi Manusia PBB termasuk WGAD dalam melaksanakan fungsi mereka seperti yang dimandatkan oleh PBB.

Sekian, terima kasih.